

**Kebencian terhadap BN mula terhakis, kata Zahid
Malaysiakini.com
November 27, 2010**

Kebencian terhadap BN yang ditanam oleh PKR, terutama semasa pilihan raya umum lepas, kini mula terhakis berikutan pergolakan kepimpinan yang berlaku dalam parti itu sekarang, kata naib presiden Umno, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Menurutnya, tindakan keluar parti oleh anggota PKR dan menentang kepimpinan parti itu merupakan satu musibah akibat perbuatan mereka yang dahulunya membenci BN.

"Kebencian terhadap BN yang tersemai dalam diri anggota PKR telah dapat diatasi dengan kebenaran, yang dahulunya telah ditutup oleh kebencian melampau," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan kecemerlangan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) Parlimen Bagan Datoh hari ini.

Ahmad Zahid berkata ramai anggota PKR di peringkat akar umbi telah sedar bahawa BN adalah sebuah parti yang boleh menyumbang untuk kebajikan rakyat.

"PKR juga perlu sedar, jangan menjadi 'kuda tunggangan' kepada DAP yang hanya menguntungkan orang lain dan bukan kepada PKR itu sendiri," katanya.

Beliau berkata mereka yang telah meninggalkan PKR wajar menyokong BN pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak kerana mempunyai Gagasan 1Malaysia yang boleh menguntungkan rakyat.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/149336>